



12 MAY, 2022

Malaysia dijangka tarik pelaburan baharu bernilai RM14.62b dari AS

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

Washington DC: Malaysia dijangka menarik pelaburan baharu bernilai RM14.62 bilion dari Amerika Syarikat (AS) dengan Misi Perdagangan dan Pelaburan (Tim) yang diketuai Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Mohamed Azmin berkata, banyak syarikat yang berpangkalan di AS menyatakan komitmen untuk mengembangkan operasi dan kehadiran mereka di Malaysia semasa Tim AS selama 10 hari yang bermula 8 Mei lepas.

"Kita akan membuat beberapa pengumuman besar dalam beberapa hari akan datang dari segi jumlah pe-

Malaysia dijangka tarik pelaburan baharu bernilai RM14.62b dari AS

laburan baharu yang datang daripada komitmen syarikat-syarikat ini," katanya kepada pemberita Bernama dan TV3 di sini, pada Selasa.

Setakat ini, beliau bertemu dengan beberapa syarikat teknologi tinggi seperti syarikat semikonduktor global, Texas Instruments Inc dan pembekal bahan global untuk industri pemasangan elektronik dan pembungkusan semikonduktor, Indium Corporation.

Selain itu, beliau juga dijadualkan untuk menghadiri pertemuan dengan lebih

banyak peserta industri teknologi tinggi dalam rangka lawatan ke San Francisco, Seattle dan Los Angeles.

Beliau memberi jaminan bahawa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) akan meneruskan misi perdagangan untuk menarik lebih banyak pelaburan dan yakin pelaburan berkualiti tinggi akan mewujudkan lebih banyak pekerjaan untuk bakat Malaysia.

Sementara itu, Mohamed Azmin berkata, Duta Perwakilan Perdagangan AS,

Katherine Tai menyambut baik cadangan Malaysia bagi menggerakkan semula Perjanjian Rangka Kerja Pelaburan (Tifa).

Kedua-dua negara diharapkan dapat memuktamadkan bagi pengaktifan perjanjian itu dalam tempoh terdekat, katanya.

Beliau berkata, Malaysia pada dasarnya terbuka untuk mengadakan perbincangan lanjut mengenai perkara itu dengan AS, memandangkan perbincangan terakhir mengenai Tifa antara kedua-dua negara di-

adakan pada 2005, dan tiada perkembangan lanjut dicatatkan sejak itu.

"Tetapi sudah tentu, kita perlu melihat bagaimana Tifa boleh membantu kita dan mengurangkan cabaran global yang kita hadapi sekarang, seperti (untuk memastikan) daya tahan rantaian bekalan," katanya selepas mengadakan mesyuarat dua hala dengan Tai pada Selasa.

Mengenai Rangka Kerja Ekonomi Indo-Pasifik (IPEF) yang dicadangkan Presiden AS Joe Biden, yang

dibangkitkan semasa mesyuarat dua hala berasingan dengan Setiausaha Perdagangan AS, Gina Raimondo pada Selasa, Mohamed Azmin berkata, Malaysia terbuka bagi perbincangan lanjut mengenai perkara itu.

"Sebagai sebuah ekonomi kecil seperti Malaysia, kita terbuka untuk lebih banyak perbincangan mengenai perkara itu dan kita mahu memastikan semangat kepusatan Asean dihormati," katanya.

Memorandum Kerjasama (MoM) bagi memastikan daya tahan rantaian bekalan ditandatangani antara Mohamed Azmin dan Raimondo selepas mesyuarat dua hala itu. - Bernama



12 MAY, 2022

Malaysia dijangka tarik pelaburan baharu bernilai RM14.62b dari AS

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Washington DC: Malaysia dijangka menarik pelaburan baharu bernilai RM14.62 bilion dari Amerika Syarikat (AS) dengan Misi Perdagangan dan Pelaburan (Tim) yang diketuai Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mohamed Azmin Ali. Mohamed Azmin berkata, banyak syarikat yang berpangkalan di AS menyatakan komitmen untuk mengembangkan operasi dan kehadiran mereka di Malaysia semasa Tim AS selama 10 hari yang bermula 8 Mei lepas.